KENYATAAN RASMI

TADBIR URUS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KEDAH

SEPANJANG TEMPOH PKPB

Berkuat kuasa mulai 13 Mei 2020

<u>Tempoh operasi bagi semua sektor ekonomi di Negeri Kedah</u>

Pada 12 Mei 2020, YAB Menteri Besar Negeri Kedah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) COVID-19 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah bersetuju untuk melanjutkan tempoh masa bagi semua sektor ekonomi di Negeri Kedah termasuk pasar raya, pusat membeli belah, kilang-kilang perusahaan kecil dan sederhana (PKS), aktiviti perniagaan di terminal pengangkutan dan lain-lain adalah dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKPB dalam julat masa bermula **jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam** kecuali premis berikut:

(a) Pasar borong : 9.00 malam – 12.00 tengahari;

(b) Pasar awam : 4.00 pagi – 1.00 petang;

(c) Stesen minyak : 6.00 pagi – 12.00 malam.

Selain itu juga, Mesyuarat JKKN memutuskan pada bulan Ramadan, semua perniagaan yang merangkumi sektor makanan dan minuman serta mempunyai lesen perniagaan PBT adalah dibenarkan beroperasi dalam julat masa bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali **premis makanan milik orang muslim yang dibenarkan beroperasi dari jam 3.00 petang hingga 10.00 malam**.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH D.A.

Walau bagaimanapun **aktiviti perniagaan yang tersenarai dalam aktiviti yang dilarang** oleh Majlis Keselamatan Negara **masih lagi tidak dibenarkan beroperasi** sebagaimana perkara 7 Arahan Tambahan No.5 Tadbir Urus PBT Negeri Kedah.

<u>*Dine-in* adalah dibenarkan</u>

Pada 4 Mei 2020, Kerajaan Persekutuan telah membenarkan makan secara hidangan (*dine-in*) untuk semua sektor perniagaan makanan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Kedah mengambil inisiatif berbeza dengan melarang kaedah *dine*-in sehingga 12 Mei 2020 memandangkan Kerajaan Negeri akan mengkaji dan memperincikan garis panduan secara terperingkat sebelum kaedah *dine-in* dibenarkan.

Bermula pada 13 Mei 2020, semua perniagaan yang merangkumi sektor makanan adalah **dibenarkan untuk makan secara hidangan (*dine-in*)** di Negeri Kedah. Walau bagaimanapun buffet ramadan di hotel adalah tidak dibenarkan.

Pengusaha premis makanan yang akan membuat hidangan secara *dine-in* hendaklah mematuhi garis panduan seperti berikut:

(a) Mengambil suhu pekerja dan pelanggan setiap masa;
(b) Memastikan pekerja memakai topeng muka (*face mask*) setiap masa;
(c) Memastikan pekerja dan pelanggan yang mempunyai gejala seperti kerap batuk dan selesema tidak dibenarkan untuk berkerja atau memasuki premis;
(d) Menyusun atur meja dengan jarak 2 meter antara meja lain dan penjarakan sosial di antara tempat duduk pelanggan sekurang-kurangnya 1 meter;
(e) Setiap meja dimuatkan tidak melebihi 4 orang semeja (tertakluk kep meja dan penjarakan sosial);
(f) Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa memenuhi keperluan penjarakan sosial sekaligus mengelakkan kesesakan pelanggan;
(g) Mewajibkan pelanggan mencuci tangan menggunakan sabun atau menggunakan hand sanitiser;

2/3

(h) Mencatatkan nama, suhu badan dan nombor telefon pelanggan yang hadir di dalam premis perniagaan;

(i) Menggalakkan penggunaan peralatan makan biodegradable (pakai buang);

(j) Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite mengikut garis panduan KKM;

(k) Mengamalkan jarak 1 meter antara pelanggan semasa pembelian;

(l) Elakkan sentuhan terus ketika berhubung dan berurusan. Contoh: dengan menggunakan kotak/raga kecil ketika menerima/memberi baki duit kepada pelanggan atau menggalakkan bayaran secara elektronik; dan

(m) Melakukan proses nyah kuman dan pembersihan di kawasan premis sebelum dan selepas operasi.

A. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Garis Panduan Pembukaan Semula Sektor Ekonomi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

B. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa bermula 13 Mei sehingga 9 Jun 2020;

C. Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang diputuskan oleh MKN dan Kerajaan Negeri Kedah dari semasa ke semasa.

YB Sr Tan Kok Yew, BKM
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
13 Mei 2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH D.A. BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN